



KEMPEN “VIRTUAL SHOPPING MALL SWEEP” KAD KREDIT HLB VISA

Dikemas kini pada 20 Julai 2022

TEMPOH KEMPEN

Kempen “Virtual Shopping Mall Sweep” (Kempen) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **07 Julai 2022** jam 00:00:00 (12:00 a.m.) dan berakhir pada **06 Ogos 2022** jam 23:59:59 (11:59 p.m.), termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”), melainkan jika diumumkan secara berasingan.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang berkenaan dengan Kempen (“**T&S**”):

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit HLB VISA baru dan sedia ada (“**Pemegang Kad**”).
2. Individu yang berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemegang Kad HLB Visa di mana kad Kredit HLB Visa tersebut (secara kolektif dikenali sebagai “**Kad**”) bukan dikeluarkan di Malaysia;
 - (b) Pemegang Kad yang mempunyai akaun yang tidak berada dalam kedudukan yang baik, tidak aktif, atau yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat akaun kad kredit HLB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
 - (c) Pemegang Kad dengan akaun Kad yang tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
 - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, perlanggaran undang-undang atau kelakuan salah berhubung dengan mana-mana fasiliti yang diberikan oleh HLB, atau telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding bankrapsi pada bila-bila masa sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Kempen.

KAEDAH PENYERTAAN KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad harus menggunakan Kad semasa Tempoh Kempen dan memenuhi Syarat Kelayakan berikut (“**Pemegang Kad Layak**”):

Tahap	Syarat Kelayakan	
Tahap 1	<p>Kumpulkan Perbelanjaan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 7) dengan menggunakan Kad semasa Tempoh Kempen untuk kelayakan menyertai sesi Virtual Shopping Mall Sweep (seperti yang diuraikan di bawah Klausa 5) Tahap 1.</p> <p>Kelayakan Pemegang Kad dan kuantiti maksimum item yang beliau layak untuk mendapat/membeli (“Saiz Troli”) dari sesi Virtual Shopping Mall Sweep Tahap 1 akan ditentukan berdasarkan jumlah Perbelanjaan Layak yang terkumpul pada Kad, seperti yang ditetapkan di bawah:</p>	
	Jumlah Perbelanjaan Layak Terkumpul pada Kad	Saiz Troli
	Kurang daripada RM2,000	Tidak layak
	RM2,000 – RM3999.99	1

	RM4,000 – RM5999.99	2
	RM6,000 dan ke atas	3
Tahap 2	Sekiranya Pemegang Kad Layak adalah antara lima puluh (50) Pemegang Kad pertama yang berjaya mengumpul Perbelanjaan Layak berjumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10, 000) dan ke atas (berdasarkan tarikh dan masa transaksi) pada Kad semasa Tempoh Kempen, beliau akan ditawarkan akses ke sesi Virtual Shopping Mall Sweep Tahap 2 , di mana beliau akan diberikan Saiz Troli sebanyak satu (1) di sesi tersebut, sebagai tambahan kepada sesi Virtual Shopping Sweep Tahap 1 yang beliau juga layak untuk mengambil bahagian.	

4. Setiap Pemegang Kad Layak juga perlu menjadi pengguna aplikasi telefon bimbit HLB Connect yang aktif, untuk menerima mesej jemputan ke sesi Virtual Shopping Mall Sweep ("**Sesi**") yang akan dihantar melalui notifikasi dalam aplikasi HLB Connect sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam sebelum Sesi. Mesej jemputan akan mengandungi:
 - (i) Tarikh dan masa Sesi di mana Pemegang Kad Layak diperuntukkan;
 - (ii) Kod akses unik dan pautan URL laman web Sesi ("**Laman Web Sesi**"); dan
 - (iii) Saiz Troli (Bilangan maksimum item yang boleh didapatkan/dibeli oleh Pemegang Kad)
5. Berikut adalah tarikh dan senarai item untuk Sesi Virtual Shopping Sweep yang disediakan:

Tahap	Butiran Sesi																											
Sesi Tahap 1:																												
1. Setiap Pemegang Kad Layak akan diperuntukkan ke salah satu Sesi berikut melalui algoritma rawak komputer:																												
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Sesi</th><th>Tarikh & Masa</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jam 11:00 pagi, 14 Ogos 2022 (Ahad)</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jam 11:00 pagi, 20 Ogos 2022 (Sabtu)</td></tr> </tbody> </table>			Sesi	Tarikh & Masa	1	Jam 11:00 pagi, 14 Ogos 2022 (Ahad)	2	Jam 11:00 pagi, 20 Ogos 2022 (Sabtu)																				
Sesi	Tarikh & Masa																											
1	Jam 11:00 pagi, 14 Ogos 2022 (Ahad)																											
2	Jam 11:00 pagi, 20 Ogos 2022 (Sabtu)																											
Setiap Sesi akan dibuka untuk akses selama empat puluh lapan (48) jam, atau sehingga semua item habis dijual, berdasarkan yang mana lebih awal.																												
2. Berikut adalah senarai item untuk Sesi Tahap 1 :																												
<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Bil.</th> <th rowspan="2">Item</th> <th colspan="2">Kuantiti Tersedia</th> </tr> <tr> <th>Sesi 1</th> <th>Sesi 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>70% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>50% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>30% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>70% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>50% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table>			Bil.	Item	Kuantiti Tersedia		Sesi 1	Sesi 2	1	70% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3	2	50% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3	3	30% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3	4	70% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB	3	3	5	50% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB	3	3
Bil.	Item	Kuantiti Tersedia																										
		Sesi 1	Sesi 2																									
1	70% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3																									
2	50% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3																									
3	30% Diskaun untuk iPhone 13 Pro 256GB	3	3																									
4	70% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB	3	3																									
5	50% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB	3	3																									

	6	30% Diskaun untuk Samsung Galaxy S22 Ultra 256GB	3	3	
	7	70% Diskaun untuk iPad Air 64GB Wifi	4	4	
	8	50% Diskaun untuk iPad Air 64GB Wifi	4	4	
	9	30% Diskaun untuk iPad Air 64GB Wifi	4	4	
	10	70% Diskaun untuk Apple Watch Series 7 45mm	4	4	
	11	50% Diskaun untuk Apple Watch Series 7 45mm	4	4	
	12	30% Diskaun untuk Apple Watch Series 7 45mm	4	4	
	13	70% Diskaun untuk Secretlab Titan Evo 2022 Gaming Chair	4	4	
	14	50% Diskaun untuk Secretlab Titan Evo 2022 Gaming Chair	4	4	
	15	30% Diskaun untuk Secretlab Titan Evo 2022 Gaming Chair	4	4	
	16	70% Diskaun untuk PRISM+ 55" Android Smart TV	4	4	
	17	50% Diskaun untuk PRISM+ 55" Android Smart TV	4	4	
	18	30% Diskaun untuk PRISM+ 55" Android Smart TV	4	4	
	19	70% Diskaun untuk Apple Airpods (3rd Gen)	4	4	
	20	50% Diskaun untuk Apple Airpods (3rd Gen)	4	4	
	21	30% Diskaun untuk Apple Airpods (3rd Gen)	4	4	
	22	70% Diskaun untuk Mi Robot Vacuum-Mop 2 EU 2022	4	4	
	23	50% Diskaun untuk Mi Robot Vacuum-Mop 2 EU 2022	4	4	
	24	30% Diskaun untuk Mi Robot Vacuum-Mop 2 EU 2022	4	4	
	25	70% Diskaun untuk Dyson V8 Slim Fluffy Vacuum	4	4	
	26	50% Diskaun untuk Dyson V8 Slim Fluffy Vacuum	4	4	
	27	30% Diskaun untuk Dyson V8 Slim Fluffy Vacuum	4	4	
	28	PERCUMA RM100 Ikea Gift Card	45	45	
	29	PERCUMA RM100 Shopee Shopping Voucher	90	90	
	30	PERCUMA RM30 Cash Back	700	700	
		Jumlah Bilangan Item	937	937	

Untuk item yang menawarkan diskau kepada Pemegang Kad Layak, diskau yang diberikan adalah berdasarkan harga runcit rasmi terkini produk tersebut.

Tier 2	<p>Sesi Tahap 2:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pemegang Kad Layak yang layak untuk Sesi Tahap 2 (seperti yang diuraikan di bawah Klause 3 di atas) akan diperuntukkan ke Sesi berikut: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Sesi</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Tarikh & Masa</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">3</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">11:00 pagi, 21 Ogos 2022 (Ahad)</td></tr> </tbody> </table> <p>Sesi akan dibuka untuk akses selama empat puluh lapan (48) jam, atau sehingga semua item habis dijual, berdasarkan yang mana lebih awal.</p> <ol style="list-style-type: none"> Berikut adalah senarai item untuk Sesi Tahap 2: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Bil.</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Item</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Kuantiti Tersedia</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">1</td><td style="padding: 5px;">Beli SONY PlayStation 5 Digital Edition (Set Asia/Malaysia bergantung kepada stok yang sedia ada daripada pembekal yang dilantik) pada harga RM800</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">10</td></tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">2</td><td style="padding: 5px;">PERCUMA Baucar Tunai Zalora bernilai RM1,000 untuk pembelian barang di Zalora Luxury (atas talian)</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td></tr> </tbody> </table>	Sesi	Tarikh & Masa	3	11:00 pagi, 21 Ogos 2022 (Ahad)	Bil.	Item	Kuantiti Tersedia	1	Beli SONY PlayStation 5 Digital Edition (Set Asia/Malaysia bergantung kepada stok yang sedia ada daripada pembekal yang dilantik) pada harga RM800	10	2	PERCUMA Baucar Tunai Zalora bernilai RM1,000 untuk pembelian barang di Zalora Luxury (atas talian)	40
Sesi	Tarikh & Masa													
3	11:00 pagi, 21 Ogos 2022 (Ahad)													
Bil.	Item	Kuantiti Tersedia												
1	Beli SONY PlayStation 5 Digital Edition (Set Asia/Malaysia bergantung kepada stok yang sedia ada daripada pembekal yang dilantik) pada harga RM800	10												
2	PERCUMA Baucar Tunai Zalora bernilai RM1,000 untuk pembelian barang di Zalora Luxury (atas talian)	40												

- Berikut adalah proses untuk Pemegang Kad yang menyertai Sesi:
 - Pemegang Kad Layak perlu log masuk dengan menggunakan kod akses unik dan mengesahkan dirinya sebagai manusia melalui langkah pengesahan "CAPTCHA" di Laman Web Sesi.
 - Setelah berjaya log masuk, Pemegang Kad Layak perlu melayari "Virtual Shopping Mall" di Laman Web Sesi untuk mencari item yang diinginkan, dengan secepat mungkin.
 - Apabila Pemegang Kad Layak menemui item yang diinginkan, beliau dikehendaki untuk menekan butang "Add to Cart" item tersebut, diikuti dengan pengesahan ("Langkah Pengesahan") oleh Pemegang Kad Layak untuk meneruskan. Tiada perubahan akan dibenarkan selepas Langkah Pengesahan. Selepas itu, Pemegang Kad Layak boleh terus mencari item lain untuk ditambahkan ke trolinya, sehingga Saiz Troli seperti yang dinyatakan di bawah Klause 3 atau sehingga semua item dalam Sesi habis dijual sepenuhnya, berdasarkan yang mana lebih awal.
 - Item dalam setiap Sesi adalah bergantung kepada kuantiti yang terhad, berdasarkan peraturan "siapa cepat, dia dapat" dengan merujuk kepada masa di mana Pemegang Kad Layak berjaya menambah item tersebut ke troli masing-masing.
 - Proses Pembayaran:** Untuk item yang memerlukan bayaran daripada Pemegang Kad Layak selepas item ditambahkan ke troli pada suatu Sesi:
 - Pemegang Kad Layak tidak perlu membuat pembayaran serta-merta semasa Sesi tersebut. Selepas berjaya menambahkan item ke dalam troli dan melakukan Langkah Pengesahan, E-mel yang mengandungi arahan pembayaran dan butiran pembekal ("Pembekal") ("E-mel Pembayaran") akan dihantar kepada Pemegang Kad Layak berdasarkan alamat E-mel berdaftarnya dengan HLB, dalam tempoh lima (5) hari selepas setiap Sesi;
 - Pemegang Kad Layak dikehendaki melengkapkan proses pembelian dengan bayaran dalam tempoh lima (5) hari selepas menerima E-mel Pembayaran. Jika gagal, item dalam troli Pemegang Kad Layak akan dibatalkan. Rayuan atau permintaan lanjut tidak akan dilayan untuk item yang dibatalkan;

- (c) Diskaun untuk item tidak termasuk caj penghantaran, di mana jika berkenaan, akan ditanggung oleh Pemegang Kad Layak. Penghantaran produk (jika berkenaan) hanya terhad kepada destinasi di Malaysia;
 - (d) Bayaran haruslah dilengkapkan dengan Kad Kredit HLB Visa;
 - (e) Setelah pembayaran berjaya, Pemegang Kad Layak boleh berhubung terus dengan pembekal untuk semua urusan item yang dibeli termasuk garis masa penghantaran, jaminan, maklumat dan semakan penghantaran; dan
 - (f) Bagi produk yang menawarkan pilihan warna, Pemegang Kad Layak akan ditawarkan pilihan semasa Proses Pembayaran, tertakluk kepada stok yang sedia ada daripada Pembekal.
7. Bagi tujuan Klausus 3 di atas, "**Perbelanjaan Layak**" termasuk pembelian atas talian dan runcit sama ada tempatan atau antarabangsa. Perbelanjaan Layak yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia ("RM") akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi. Perbelanjaan Layak Kempen ini tidak termasuk perkara berikut:
- (i) Sebarang tambah nilai E-wallet (e.g. Big Pay, Grab Pay, Lazada Pay, Shopee Pay, Touch'N'Go eWallet dan sebagainya.);
 - (ii) Pembayaran insurans;
 - (iii) Pembayaran bil utiliti;
 - (iv) Pembayaran berulang atau bil automatik;
 - (v) Sebarang produk portfolio seperti Balance Transfer (BT), Quick Cash One-Time Fee (QC OTF), Quick Cash Monthly Interest (QC MI) dan Flexi Payment Plan (FPP);
 - (vi) Transaksi yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak berjaya, tidak sah, dibatalkan, tidak dibenarkan, berunsur penipuan atau yang menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (vii) Sebarang bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj pembayaran lewat dan cukai perkhidmatan, yang dikenakan oleh HLB.
8. Perbelanjaan Layak yang dibuat oleh pemegang kad kredit tambahan di bawah akaun pemegang kad kredit utama juga akan dimasukkan ke dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad kredit utama untuk Kempen ini.
9. Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Kad untuk memberikan nombor telefon dan alamat e-mel terkini dan sah mereka kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab.
10. Pemberian Perbelanjaan Layak berdasarkan keterangan Kod Kategori Peniaga ("MCC") dilakukan oleh bank pemerolehan peniaga masing-masing dan adalah tanggungjawab bank pemerolehan tertentu untuk menetapkan MCC yang betul. Untuk mengelakkan keraguan, HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pemberian MCC yang salah oleh bank yang memperoleh.
11. Pemegang Kad Layak haruslah berhubung terus dengan pembekal yang diberi kuasa untuk semua perkara yang berkaitan dengan maklumat item, pembayaran, penghantaran, tuntutan dan jaminan. Butir-butir pembekal yang diberi kuasa akan dimaklumkan oleh HLB dalam E-mel Pembayaran (untuk item yang memerlukan pembayaran oleh Pemegang Kad Layak) atau pemberitahuan E-mel (untuk item yang tidak memerlukan pembayaran oleh Pemegang Kad Layak) kepada Pemegang Kad Layak dalam tempoh lima (5) hari dari akhir setiap Sesi.
12. HLB tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian item dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan apa-apa item yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau mutu kerja pengilang).
13. HLB berhak untuk membuat perubahan kepada butiran (seperti tarikh dan masa) setiap Sesi dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam kepada Pemegang Kad Layak.

TERMA & SYARAT AM

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB yang terdapat di laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB");
 - (b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang diperolehi oleh sistem HLB untuk tujuan Kempen ini adalah muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan terikat kepada semua Pemegang Kad Layak;
 - (d) bersetuju bahawa item Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk sebarang kredit, cek atau barang lain;
 - (e) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma & Syarat Kempen ini bagi memastikan ia sentiasa terkini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada T&S ini;
 - (f) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu, nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan termasuk Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan mana-mana Pembekal lain untuk tujuan komunikasi dan penghantaran produk untuk Kempen ini; dan
 - (g) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang sedia ada, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
15. HLB berhak untuk:
 - (a) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak yang telah melakukan transaksi dalam cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, tidak teratur dan/atau menunjukkan percubaan untuk mendapatkan kelebihan tidak adil berbanding dengan Pemegang Kad Layak yang lain;
 - (b) membatalkan dan/atau menarik balik item Kempen sekiranya terdapat pembatalan transaksi, penamatkan Kad atau perlanggaran T&S semasa Tempoh Kempen atau pada masa penghantaran item Kempen; dan
 - (c) menambah, memadam atau meminda T&S di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB atau dengan kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLB, sebagai notis awal kepada Pemegang Kad.
16. HLB tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau pemprosesan transaksi oleh Visa International Incorporated, organisasi peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan Pemegang Kad dikecualikan daripada Kempen ini.
17. T&S Kempen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
18. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am dan Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di sini sebagai perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am HLB atau Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus dalam T&S ini akan diutamakan dalam peranggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang peranggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diutamakan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan terma dan syarat ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my